

Amanat penting dari PM kepada pemimpin2 BN

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn akan memberikan amanat penting kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dalam mesyuarat mereka di Seri Taman 15 Julai ini.

Sumber-sumber yang mengetahui memberitahu hari ini, amanat tersebut ialah ke arah mewujudkan perpaduan yang lebih kukuh antara komponen Barisan Nasional.

Pemimpin-pemimpin Barisan akan diminta memupuk kerjasama yang lebih erat dengan pimpinan baru.

Ini adalah mesyuarat terakhir yang akan

dipengerusikan oleh Datuk Hussein selaku Pengerusi Barisan Nasional.

Jawatan itu akan diambillah oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed yang akan dilantik menjadi Perdana Menteri pada keesokan harinya.

Di sebelah paginya, Datuk Hussein akan mempengerusikan mesyuarat Kabinet, juga yang terakhir baginya.

Sumber-sumber itu berkata, pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat mungkin menjadi tajuk utama mesyuarat tersebut.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed pasti akan mendapat sokongan dari parti-parti komponen Barisan Nasional apabila beliau mengambil alih teraju negara.

Keyakinan ini berasaskan kepada sokongan yang diterima ketika beliau dilantik menjadi Presiden UMNO dalam perhimpunan agung baru-baru ini.

Pemerhati-Pemerhati Politik berpendapat, sokongan yang sama akan diberikan kepada Timbalan Perdana Menteri yang akan dilantik oleh Datuk Seri Dr. Mahathir.

"Walaupun Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed pernah menyatakan, Timbalan Presiden UMNO tidak semestinya dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, tetapi dalam keadaan sekarang, Datuk Musa Hitam pasti akan memegang tempat kedua itu," jelas salah seorang

pemerhati politik.

Sementara itu, kedudukan Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah untuk kekal dalam kerajaan masih belum dapat dipastikan.

Bagaimanapun, beliau tidak mungkin ditawarkan bertugas dengan Bank Dunia memandangkan beliau adalah salah seorang gabenor bank tersebut ketika ini.

Sehingga hari ini, pertemuan beliau dengan Datuk Hussein Onn dan Datuk Seri Dr. Mahathir masih belum diadakan.

Adalah difahamkan, mesyuarat itu akan diadakan secepat mungkin sebelum Datuk Hussein Onn mengundurkan diri.

Sementara itu, PAS membayangkan, tidak mustahil pilihanraya umum akan datang diadakan tidak lama lagi.

Yang DiPertua Agungnya, Datuk Haji Mohamad Aeri Muda memberitahu, salah satu asas kemungkinan pilihanraya itu akan diadakan lebih awal ialah pertukaran pucuk pimpinan negara.

Katanya, tiap-tiap kerajaan yang baru memerlukan mandat yang baru dari rakyat.

Semalam, Setiausaha Agung DAP, Encik Lee Lam Thye meramalkan, pilihanraya umum akan diadakan dalam tempoh sepuluh bulan lagi.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Haji Mustapha Jabar, bila dihubungi berkata, "terpulanglah kepada ramalan masing-masing."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia